

Anda patut menyokong **MerdekaReview** kerana ia dikendalikan oleh para *leng chai* dan *leng loi* yang punya wibawa dan semangat!

----- Amir Muhammad



UTAMA ANALISA KOLUM KALEIDOSKOP PANDANGAN EKSKLUSIF KHAS GALERI GAMBAR CARI 中文版 **RSS**

Utama > News > Pandangan

 [Share](#) |    

[Program Langganan Sukarela](#)

 Like Confirm

 [Cetak](#)  [Kongsi](#) Saiz Teks: 

## WSIA melindungi hak dan kepentingan rakyat

| May 04, 2011 11:23:38 am

**Pandangan**

Pihak AWER telah menghasilkan laporan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Malaysia. Dalam laporan ini menggariskan intipati Akta Perkhidmatan Industri Air 2006 (WSIA), AWER juga mengemukakan tiga kajian kes. Salah satu kajian kes adalah mengenai konflik penstrukturan semula industri air di Selangor.

Terdapat beberapa artikel pendapat dalam akhbar tempatan yang menyentuh isu perjanjian konsesi yang merupakan salah satu topik yang dilaporkan. Saya ingin menjemput semua lapisan masyarakat khususnya rakyat



Selangor untuk membaca laporan penuh mengenai penstrukturan semula industri air negara di laman web [AWER](#) supaya dapat memahami sepenuhnya cadangan-cadangan kami. Kajian pihak AWER adalah menyeluruh dan terperinci. Laporan kami telah menyentuh aspek menyeluruh dan impaknya kepada rakyat.

Melalui WSIA, kerajaan persekutuan akan menstruktur semula industri perkhidmatan air supaya semua operator air dilesenkan dan beroperasi dalam keadaan "ringan-aset". Ini bermakna aset berliabiliti (hutang) daripada operator air akan dipindahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), sebuah unit khas Kerajaan Persekutuan. Ini juga bermakna semua operator air hanya perlu memfokus kepada membekalkan air secara berterusan dan berkualiti.

Bagi pengetahuan semua, penstrukturan semula industri air negara sepatutnya selesai menjelang akhir tahun 2010 mengikut Rancangan Malaysia ke-9. Ini adalah rancangan Kerajaan Persekutuan, bukannya AWER. AWER lebih risau mengenai kos kelewatan penstrukturan semula dan impaknya kepada rakyat dari segi tarif serta kelewatan penambahbaikan infrastruktur perkhidmatan air secara keseluruhan.

Pihak AWER ingin menegaskan bahawa kaedah operasi menggunakan Perjanjian Konsesi adalah tidak sesuai dan ramai yang percaya akan kebolehan syarikat-

### Terkini

- [WSIA melindungi hak dan kepentingan rakyat](#)
- [Anwar: PR bersiap sedia hadapi PRU 13 tahun ini](#)
- [Perutusan Hari Kebebasan Media Sedunia oleh DAP](#)
- [Azmin mengecam polis dan pendidik diperalat untuk kepentingan UMNO](#)
- [Perak: Zambry, Pakatan Rakyat dan Si Puntum? Pewaju desak Kerajaan Persekutuan mansuhkan OSA](#)
- [Hari memperingati tahap kebebasan akhbar Malaysia yang merosot](#)
- [Sumpah Mubalah vs Sumpah Mula'annah!](#)
- [Masalah Perumahan Pekerja Ladang di Selangor: Kami meminta rumah sahaja](#)
- [Perutusan Hari Pekerja DAP: Malaysia harus belajar daripada Korea Selatan](#)

### Antara yang terhangat

- [Bala dedah ditawarkan RM5 juta](#)
- ["Perutnya lebih buncit": Anwar nafi dirinya watak dalam video seks](#)
- [Gambar Namewee dibakar: Dialog ditamatkan sebelum demo PERKASA surai](#)
- [Skandal Sime Darby: Terburainya mitos "Besarnya itu Indah"](#)
- [Air mata berlinangan mendengar ceramah Mat Sabu](#)
- [Lelaki minum arak dalam gambar? Hishammuddin: Saya tak ingatlah](#)
- [Ugutan merogol Rodziah. Laporan polis dibuat semalam](#)
- [Formula 1: Proton bermain api](#)
- [Chua Soi Lek "nasihat" Anwar: Akuilah saja kalau benar lelaki dalam video](#)
- [Najib, UMNO dan Felda](#)

### Galeri Gambar

[Selanjutnya](#)

syarikat air di Selangor. Memandangkan syarikat-syarikat air di Selangor berkaliber dan kompetitif, maka ia tidak akan menimbulkan sebarang masalah jika mereka beroperasi mengikut kaedah pelesenan yang termaktub dalam WSIA.

Laporan AWER tidak mengatakan bahawa tarif air tidak akan meningkat tetapi kenaikan tarif air dapat diminimumkan melalui pelaksanaan WSIA. Pihak AWER juga telah menyatakan bahawa kos-kos yang terlibat dalam penetapan tarif akan diaudit dan rakyat perlu terlibat sama dalam proses penetapan tarif. Ini adalah intipati yang termaktub dalam pelaksanaan WSIA. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Peter Chin Fah Kui juga telah menyatakan dalam laman blognya, bahawa kenaikan tarif mengikut model WSIA di Selangor adalah di antara 10%– 15% berbanding dengan Perjanjian Konsesi yang mencecah 37%.

AWER berpendapat bahawa cadangan kerajaan persekutuan untuk menstruktur semula industri perkhidmatan air sebenarnya membawa lebih banyak manfaat kepada rakyat berbanding kemudahan yang digambarkan oleh penulis-penulis berkenaan.



Air adalah isu Keselamatan Negara. Semua lapisan rakyat berhak untuk mendapat bekalan air secara berterusan dan berkualiti dengan tarif yang berpatutan. Memandangkan pelaksanaan WSIA dapat meminimumkan kenaikan tarif air, maka adalah wajar perjanjian konsesi dibatalkan mengikut model WSIA demi melindungi kepentingan rakyat.

\*Kenyataan media oleh Piarapakaran S. (gambar kiri) selaku Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia ([AWER](#)).

**JOIN US AT:**

**Merdeka Review BM Fans Club**  
on Facebook

You like **Merdeka Review BM Fans**



[砂州州选国阵在砂州选情告急](#)

**Merdeka Review BM Fans Club** on Facebook

2,440 people like **Merdeka Review BM Fans Club**. 2,439 people like **Merdeka Review BM Fans Club**.

Facebook social plugin

### Kartun



sebelumnya:

[Perutusan Hari Kebebasan Media Sedunia oleh DAP](#)

seterusnya:

[Anwar: PR bersiap sedia hadapi PRU 13 tahun ini](#)

[Selepas Tsunami \(With Mandarin Subtitles\)](#) from [Pusat KOMAS](#) on [Vimeo](#).

[CARI Diy Day Banner](#)

[Advertise here \( RM10/day \)](#)

[Advertise here \( RM10/day \)](#)

[CARI Diy Day Banner](#)



## Admax supports Eco-Living

*Click here for 10 easy things you can do today to go green!*



[Kenali Kami](#) | [Hubungi Kami](#)

2005-2009©Knowledge Venture Sdn Bhd - 独立新闻在线, 版权所有

[艾提科技 I-Tea Technology 網站設計](#)

Hosted by [lpserverone.com](#)